

17/06/2003

Isu peralihan kepemimpinan dijangka kuasai perhimpunan

Kadir Dikoh

DEWAN Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang digemparkan dengan pengumuman peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setahun lalu,

sekali lagi menjadi tumpuan perwakilan Umno dari seluruh negara.

Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari bermula Khamis ini - didahului mesyuarat perwakilan pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri secara berasingan esok - dianggap perhimpunan bersejarah yang dijangka dipenuhi emosi.

Ia bakal menjadi perhimpunan agung kali terakhir menyaksikan Dr Mahathir

di pentas selaku Presiden Umno melainkan ada perhimpunan agung luar biasa

diadakan sebelum Oktober ini - tarikh pengunduran Perdana Menteri selepas

lebih dua dekad menabur bakti.

Mungkin senario sama hampir 22 tahun lalu yang menyaksikan Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn, berucap pada kali terakhir selaku Presiden Umno keempat, berulang kali ini.

Bezanya, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kelima akan hanya berundur

dalam tempoh empat bulan lagi. Hussein yang menamakan Dr Mahathir sebagai

timbalannya pada 1976, mengumumkan untuk bersara ketika berucap merasmikan

mesyuarat Umno Bahagian Johor Bahru pada 15 Mei 1981 atas alasan kesihatan.

Pengumuman itu ditunggu-tunggu selepas spekulasi mengenainya dalam media

tersebar kira-kira dua minggu sebelum itu dan tidak hairan wartawan media

arus perdana berduyun-duyun ke Johor Bahru.

Hussein menarik diri daripada bertanding mempertahankan jawatan presiden

pada Perhimpunan Agung Umno ke-32 pada bulan berikutnya. Tetapi pada masa

sama Hussein belum mengumumkan tarikhnya meletakkan jawatan Perdana Menteri.

Berikutan itu, timbalan presiden ketika itu, Dr Mahathir dicalonkan untuk jawatan Presiden dan menang tanpa bertanding, seterusnya disahkan ke

jawatan berkenaan pada hari pertama perhimpunan itu pada 26 Jun 1981.

Sebaik saja Hussein naik ke pentas untuk menyampaikan ucapan dasar terakhir di Dewan Nirwana, Hotel Hilton Kuala Lumpur pada Perhimpunan Agung Umno, 26 Jun 1981, kira-kira 5,000 hadirin termasuk 1,200 perwakilan

berdiri sambil bertepuk gemuruh tanda hormat tertinggi kepadanya. Hadir sama ketika itu ialah Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Pada hari terakhir perhimpunan (28 Jun 1981), barulah Hussein secara rasmi mengumumkan akan meletak jawatan Perdana Menteri berkuat kuasa 18 hari kemudian iaitu 16 Julai 1981.

"Saya bercadang bersara secepat mungkin selepas saja perhimpunan berakhir tetapi presiden baru (Dr Mahathir) merayu supaya menangguhkannya hingga 16 Julai (1981)," katanya.

Antara amanat terakhir Hussein ialah pemimpin baru Umno yang diketuai Dr Mahathir berganding bahu membentuk barisan pemimpin Umno yang kuat demi kepentingan parti, bangsa, agama dan negara.

Dewan Nirwana senyap dan sepi. Usaha memujuknya untuk menarik balik keputusan itu gagal termasuk dalam bentuk usul oleh Umno Johor Bahru yang diketuainya ketika itu. Sebaik selesai menyampaikan ucapan penggulungan terakhir itu yang memakan masa cuma 30 minit, ahli parti menyerbu Hussein untuk bersalam.

Dr Mahathir mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri keempat di Istana Negara pada 16 Julai 1981, iaitu pada usia 56 tahun, menjadikannya pemimpin Umno tertua dilantik ke jawatan itu. Bulan depan, beliau akan menyambut hari jadi ke-78.

Jika tiada aral melintang, rekod usia itu akan dipecahkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Oktober ini untuk memegang jawatan tertinggi dalam parti dan negara pada usia 64 tahun.

Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri pertama pada usia 54 tahun (1957-1970), Tun Abdul Razak Hussein pula dilantik Perdana Menteri kedua pada usia 48 tahun (1970-76) dan Tun Hussein pada usia 54 tahun (1976-81).

Tetapi usia bukan penghalang untuk memimpin negara dengan penuh cemerlang seperti ditunjukkan Dr Mahathir.

Anak sulung Abdul Razak, Najib (kini Datuk Seri) yang berusia 17 tahun ketika itu masih berada di tingkatan lima di St John's Institution Kuala Lumpur apabila ayahnya mula menjadi Perdana Menteri manakala anak keempat

Hussein, Hishammuddin (kini Datuk) berusia 15 tahun dan berada di tingkatan tiga di Kolej Melayu Kuala Kangsar ketika bapanya dilantik menjadi Perdana Menteri ketiga.

Kini Najib, 50, Naib Presiden Umno paling kanan dan Hishammuddin, 42, Ketua Pemuda Umno, adalah menteri Kabinet dan bintang politik mereka amat

cerah - bukan kerana nama bapa tetapi atas kebolehan masing-masing. Kebetulan mereka juga adalah sepupu.

Dr Mahathir menyampaikan ucapan pertamanya selaku Presiden Umno pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 1981 dengan ungkapan berterus terang

yang antara lain berbunyi:

"Tidak ada gunanya saya bersifat hipokrit dan tidak mengaku bahawa saya

berbangga dengan jawatan ini. Tetapi yang lebih saya banggakan ialah sikap

kerelaan YAB Datuk Hussein Onn dalam tindakannya menarik diri dari

menjadi
Presiden Umno, satu jawatan yang terpenting di dalam negara, satu
jawatan
yang mempunyai begitu banyak implikasi, satu jawatan yang mungkin
menjadi
idaman ramai. Saya tidak payah sebut apa dianya implikasi ini. Saya
tahu,
saudara saudari juga tahu dan Datuk Hussein lebih mengetahui.

"Jika jawatan yang terpenting ini dilepaskan, biasanya ada pula orang
yang cuba memaksakan pelepasannya. Ada tekanan dan paksaan dari pihak-
pihak tertentu supaya mengundur diri," katanya.

Seterusnya beliau berkata: "Mudah-mudahan saya akan dapat menyerahkan
Umno kepada pemimpin yang akan datang dalam keadaan kukuh dan berpadu
seperti mana yang telah saya terima. Inilah doa saya kepada Tuhan
Rabulalamin dan inilah juga yang saya pohon saudara saudari doakan
bersama."

Kata-kata 22 tahun lalu itu masih dipegangnya sehingga sekarang dan
keputusannya untuk mengundur diri turut beralaskan hakikat itu - untuk
menyerahkan Umno dalam keadaan sempurna dan kuat kepada penggantinya.

Perhimpunan Agung Umno ketika itu menyaksikan saingan sengit perebutan
jawatan timbalan presiden yang dikosongkan oleh Dr Mahathir. Ia
dimenangi
oleh Tan Sri Musa Hitam yang menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah.

Merujuk kepada dua tokoh muda itu (Musa kini berstatus bekas Timbalan
Perdana Menteri manakala Tengku Razaleigh cuma sebagai ahli Majlis
Tertinggi (MT) Umno), Dr Mahathir dalam ucapan sulung itu seterusnya
berkata:

"Sekarang kita mempunyai dua tokoh yang sama berazam, gagah. Pemilihan
mana-mana satu oleh Perdana Menteri tetap akan mengecewakan yang satu
lagi
dan penyokongnya. Sebaliknya, adalah menjadi amalan Umno apabila
ditentukan sesuatu, maka semua ahli akan merapatkan semula barisan dan
akan terus berjuang."

Dr Mahathir tidak memilih sendiri timbalannya tetapi menyerah kepada
perwakilan untuk berbuat demikian. Dengan itu, Musa yang menang jawatan
nombor dua dalam parti dipilihnya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Apa
yang berlaku kemudian, segala-galanya sudah menjadi sejarah.

Memang ada pihak sebelum ini mencadangkan perhimpunan kali ini ditunda
kepada Oktober yang sesuai dengan tarikh persaraan Dr Mahathir sebagai
Perdana Menteri dan presiden parti akhir tahun ini.

Namun, Dr Mahathir ketika ditanya wartawan pada sidang akhbar di ibu
negara Februari lalu, menolak saranan itu dengan alasan "tidak ada sebab
untuk berbuat demikian".

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, bagaimanapun
berkata perhimpunan agung kali ini adalah perhimpunan tahunan biasa dan
Dr

Mahathir mahu ia diadakan seperti biasa tanpa perlu acara tertentu.

"Perdana Menteri tidak mahu perhimpunan kali ini dijadikan sebagai
sesuatu yang luar biasa. Beliau tidak mahu nak adakan acara `bye-bye',"
katanya yang mula berkhidmat sebagai pegawai khas Dr Mahathir pada 1
Januari 1975, sebelum dilantik menjadi Setiausaha Politik pada 1976
hingga
1984.

Mungkin pada Oktober, jadual Perdana Menteri sendiri agak sibuk,

terutama kerana menjadi tuan rumah mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selain menghadiri beberapa mesyuarat serantau seperti Forum Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok pada 20 dan 21 Oktober.

Bayangan awal cara peralihan kuasa kepemimpinan Umno yang akan diguna pakai juga dijangka mula kelihatan pada perhimpunan kali ini.

Berikutan itu, ada pihak meramalkan Dr Mahathir sekali lagi akan membuat kejutan.

"Anda tunggu ucapan penggulungan Dr Mahathir pada hari terakhir perhimpunan kali ini, saya jangka sesuatu akan berlaku," kata seorang pemerhati politik di sebuah pusat penyelidikan strategik tempatan.

"Tun Hussein melepaskan jawatan Presiden Umno terlebih dulu sebelum meletak jawatan sebagai Perdana Menteri," katanya.

Sesuatu yang menarik perhatian pada mesyuarat peringkat bahagian baru-baru ini ialah apabila Umno Tawau mendesak Dr Mahathir menarik balik keputusannya untuk mengundur diri, manakala Umno Bahagian Pendang meluluskan usul meminta Dr Mahathir dikekalkan sebagai Presiden Umno selepas beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, Oktober ini.

Nescaya, isu peralihan kepemimpinan dalam parti selain persiapan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, dijangka menguasai perbincangan

kali ini, terutama apabila usul ucapan dasar Presiden dibahaskan.

Buat kali pertama dalam sejarah, semua Pengerusi Badan Perhubungan Umno

negeri diberi peluang untuk membahas usul itu. Pelbagai syor mungkin dikemukakan, termasuk kemungkinan merayu kepada Dr Mahathir supaya terus memberi sumbangan dalam kapasiti penasihat selepas Oktober ini. Dua lagi usul yang akan dibahaskan ialah pendidikan dan agama serta ekonomi.

Najib baru-baru ini mengakui bahawa usul ucapan dasar Presiden akan memberi tumpuan terhadap isu kepemimpinan dalam parti.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usul berkata, usul yang sama akan memberi penekanan terhadap peranan pemimpin pelbagai peringkat dalam

Umno untuk dibahaskan perwakilan.

Malah, katanya, usul ucapan dasar Presiden juga akan menyentuh penghargaan ahli parti terhadap fungsi Presiden yang berjaya menangani pelbagai cabaran politik dan ekonomi.

Namun, tiada pemilihan pada perhimpunan kali ini selepas MT membuat keputusan untuk menangguhkannya. Mengikut perlembagaan Umno, ia boleh menangguhkan pemilihan 18 bulan dan dengan itu, pemilihan boleh diadakan 18 bulan selepas perhimpunan ini, iaitu sehingga akhir 2004.

Yang pasti pilihan raya umum akan datang diadakan lebih dulu daripada pemilihan dalam parti. Dengan itu, soal persediaan pilihan raya umum dijangka hangat dibicarakan pada Perhimpunan Agung Umno kali ini.